

**Sarawak Mahu 10 Peratus Peruntukan Bajet PKS Untuk Usahawan Sarawak
Bernama
5 Mac, 2012**

KUCHING, 5 Mac (Bernama) -- Kerajaan Sarawak mahu sekurang-kurangnya 10 peratus daripada bajet bagi geran dan pinjaman kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) setiap tahun diperuntukkan khusus kepada Sarawak.

Menteri Pembangunan Perindustrian negeri Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan berkata pihak negeri telah menulis surat kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapha Mohamed mengenai permohonan tersebut.

"Kita telah mengatakan, sekiranya, peruntukan tersebut tidak dapat dihabiskan atau digunakan maka kerajaan persekutuan boleh mengambil balik untuk ditawarkan kepada PKS di negeri lain," kata beliau pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan SME Bank cawangan Kuching berkaitan kerjasama strategik antara kementeriannya dan bank tersebut.

Peruntukan sebanyak RM269 juta telah diluluskan bagi PKS seluruh negara untuk tahun ini dalam bentuk geran serta pinjaman.

Awang Tengah, yang juga Menteri Kemudahan Awam, berkata Sarawak masih jauh lagi, dari segi logistik, berbanding Semenanjung Malaysia, termasuk faktor produktiviti dan kos pengangkutan tinggi yang dihadapi usahawan tempatan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=649983>